(/) » BERITA (/BERITA) » Karnival Jom Sains rangsang minat sains pelajar

Senarai Berita (/berita)

# Karnival Jom Sains rangsang minat sains pelajar

Oleh: Dr. Yap Wing Fen



SERDANG – Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Karnival Jom Sains bagi merangsang dan memupuk minat masyarakat terhadap sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang berpotensi menjamin masa depan generasi muda serta ekonomi negara.

Program itu yang merupakan inisiatif Fakulti Sains UPM dan Majlis Profesor Negara dengan penglibatan UPM STEM serta beberapa agensi luar termasuk Petrosains, Zoo Negara, Young Scientist Network-Akademi Sains Malaysia (YSN-ASM), Malaysia Nature Society (MNS) menarik minat lebih daripada 60 sekolah rendah dan menengah dari seluruh negara.

Dekan Fakulti Sains UPM, Prof. Dr. Mohd Basyaruddin Abdul Rahman berkata, karnival itu merupakan satu platform terbaik bagi para akademik dan mahasiswa bertemu masyarakat di samping keseronokan ilmu sains yang dapat merangsang percambahan idea ke arah melahirkan generasi muda yang celik sains dan inovatif.

"Kajian mendapati pelajar mempunyai persepsi bahawa pembelajaran mata pelajaran sains amat sukar dan membosankan, dan kurang sokongan keluarga menyebabkan kepada penurunan peratusan pelajar yang meminati dan mengikuti aliran sains.

"Aktiviti karnvial sains sebegini ini diperlukan untuk terus merangsang dan memupuk minat pelajar terhadap STEM. Lebih penting adalah peranan ibu bapa untuk bersama-sama dengan anak-anak menerokai aktiviti sains yang mampu mendorong kepada minat dan pemilhan aliran sains," katanya.

Melalui karnival itu juga, katanya, aktiviti pengayaan ilmu dan idea baharu serta teknik pedagogi sains terkini dapat diberikan kepada guru-guru agar sesi pembelajaran dan pengajaran sains di sekolah lebih interaktif dan mengujakan para pelajar.

LIHAT JUGA


UPM bantu pelajar tingkat minat subjek Fizik (/berita/upm_bantu_pelajar_tingkat_minat_sub
-41225)


UPM-CUCKOO International jalin kolaborasi penyelidikan air berkualiti (/berita/upm_cuckoo_international_jalin_kolab
nyelidikan_air_berkualiti-41207)


InnoHub berjaya lahir lebih 50 techpreneur (/berita/innohub_berjaya_lahir_lebih_50_techp
41111)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
1800 22 5587
+603 8948 7273
@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1533268451



BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Karnival itu hasil kerjasama warga fakulti iaitu antara pensyarah fakulti yang diketuai oleh Penysarah Kanan UPM, Dr. Yap Wing Fen, dan Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains (terdiri daripada Kelab Mahasiswa Fizik, Kimia, Matematik dan Biologi) yang diketuai oleh Mohd Anaz Syazreil.

Yap berkata, selain pameran dan aktiviti di dewan, pengisian karnival itu ialah cabaran luar dewan yang berkonsepkan sains, pertandingan video sains, komunikasi sains, olimpiad, aktiviti interaktif seperti pembedahan katak dan forensik yang berkonsepkan fizik.

“Program ini juga mampu melahirkan mahasiswa yang mempunyai kesedaran sains dan tanggungjawab yang tinggi terhadap komuniti dan masyarakat setempat,” katanya.



Mohd Anaz yang juga Ketua Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains UPM, pula berkata, aktiviti kesukarelawanan itu dapat menyumbang khidmat dan bakti kepada komuniti dan masyarakat melalui pemindahan dan transformasi ilmu.

“Menerusi program ini, saya berpeluang menurunkan ilmu yang saya pelajari di UPM kepada pengunjung. Saya juga dapat membantu pelajar untuk memahami konsep sains dengan betul dan seterusnya memupuk minat terhadap mata pelajaran ini,” katanya.

Program yang bertemakan “Science is Our Future” itu mendapat sambutan menggalakkan dan dianggarkan lebih 6,000 mengunjunginya. - UPM

Kemaskini:: 25/07/2018 [hairul_nizam]

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fkarnival_jom_sains_rangsang_minat_sains_pelajar-40991&title=Karnival%20Jom%20Sains%20Rangsang%20Minat%20Sains%20Pelajar%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#google_plus)

(/#linkedin) (/#email) (/#copy_link)

(/#wordpress) (/#print)

**HUBUNGI KAMI** **PERKHIDMATAN DALAM TALIAN** **PAUTAN LUAR** **PAUTAN PANTAS**

B1533268451

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

1800 22 5587

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://spln.upm.edu.my)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)
1Malaysia (http://www.1malaysia.com.my)
Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)
Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)
Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (http://www
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.r
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/n 8202)
BM
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/m
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.e
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/k
Poliklinik Putra Medik (http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli
Takwim UPM 2018 (http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/ 2018.pdf)

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949)
Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss)
Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
UPM online (/footnote/upm_online-38695)
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2018 Universiti Putra Malaysia

AACSB ACCREDITED

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1533268451